



# **GARIS PANDUAN NORMA BAHARU PASCA COVID**

**HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN,  
KUANTAN**

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU PASCA COVID  
HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN (HTAA), KUANTAN**

**A. PENDAHULUAN**

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Selaras dengan itu, KKM telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan sistem kesihatan kita bersedia untuk menghadapi wabak ini merangkumi pelbagai aspek seperti pengesanan, pengawalan dan perawatan COVID-19.

Sejumlah 38 hospital KKM dan 2 hospital Universiti telah dikhususkan untuk rawatan COVID-19. Manakala 33 hospital lagi adalah hospital Hybrid COVID-19 yang menyediakan rawatan untuk pesakit COVID-19 dan pesakit yang bukan COVID-19. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan merupakan salah satu hospital Hybrid COVID-19 selain daripada Hospital Sultan Hj Ahmad Shah, Temerloh dan Hospital Kuala Lipis bagi Negeri Pahang.

Sehingga 1 Jun 2020, Negeri Pahang mencatatkan sebanyak 387 kes COVID-19 383 kes daripadanya telah sembuh dan 4 kematian. Melihatkan penurunan kadar bilangan kes dan situasi terkini yang semakin terkawal, kerajaan telah mula membuat perancangan untuk membuat pelonggaran PKP secara bersyarat (PKPB) dan berperingkat.

Sehubungan dengan itu, adalah amat penting bagi perkhidmatan kesihatan terutamanya di fasiliti hospital untuk bersedia menerima kedatangan influx pesakit yang dijangka meningkat semasa PKPB dan pasca PKP. Sejajar dengan hal demikian, Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) mengambil inisiatif mengeluarkan satu garis panduan sebagai rujukan dan panduan bagi semua kakitangan HTAA dalam menghadapi cabaran pembudayaan norma baharu di tempat kerja.

**B. OBJEKTIF AM**

1. Memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan dan pesakit berada di tahap yang optimum dan tidak terdedah kepada sebarang jangkitan wabak COVID-19 dan juga jangkitan-jangkitan lain.
2. Untuk membendung dan memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dari terus berlaku dengan sentiasa mempraktikkan penjarakan sosial, sanitasi tangan dan juga pengamalan pemakaian alat pelindungan diri/ PPE.

### C. OBJEKTIF KHUSUS

1. Memberi satu perkhidmatan yang seragam dan standard mengikut kesesuaian tempat/ unit bagi memastikan perkhidmatan optimum dapat diberikan.
2. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan bersih kepada semua pelanggan dan juga kakitangan hospital.
3. Memastikan semua kakitangan HTAA mempraktikkan pengamalan norma baharu di tempat kerja.

### D. PRINSIP DAN AMALAN

1. Mengelakkan kesesakan di fasiliti kesihatan dan penjarakan sosial yang selamat
2. Pengendalian pesakit yang minima tetapi berkualiti dan optimum oleh anggota kesihatan.
3. Memastikan kesinambungan dan pengamalan penjagaan kesihatan terutama terhadap jangkitan silang penyakit berjangkit seperti COVID-19.

Secara asasnya, semua kakitangan termasuk pelawat hendaklah mengamalkan perkara berikut:

ELAKKAN 3C	AMALKAN 3W
<ol style="list-style-type: none"><li>i. <b>C</b>ROWDED PLACES (tempat sesak)<ul style="list-style-type: none"><li>- ruang perhimpunan/ kantin</li></ul></li><li>ii. <b>C</b>ONFINED SPACES (tempat tertutup)<ul style="list-style-type: none"><li>- Pantri /surau/ ruang rehat/ loker persalinan</li></ul></li><li>iii. <b>C</b>LOSED CONVERSATION (bercakap jarak dekat)<ul style="list-style-type: none"><li>- mesyuarat/ urusan di kaunter/ ruang kerja</li></ul></li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>i. <b>W</b>ASH (cuci)<ul style="list-style-type: none"><li>- kerap cuci tangan dengan air sabun dan sabun</li></ul></li><li>ii. <b>W</b>EAR (pakai)<ul style="list-style-type: none"><li>- pakai penutup mulut dan hidung jika bergejala</li></ul></li><li>iii. <b>W</b>ARN (amaran)<ul style="list-style-type: none"><li>- elak bersalaman atau bersentuhan</li><li>- amalkan etika batuk dan bersin</li><li>- lakukan disinfeksi</li><li>- duduk rumah</li><li>- dapatkan rawatan jika bergejala</li></ul></li></ol>

## E. STRATEGI

Bil	STRATEGI	AKTIVITI
1	Mencegah dan mengurangkan risiko pelanggan luar dan dalam yang masuk untuk berurusan di hospital	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan promosi kesedaran berkenaan Covid-19 dan norma baharu</li> <li>• Menghadkan pelawat</li> <li>• Menyediakan kaunter saringan di pintu masuk</li> <li>• Memastikan penjarakan sosial diamalkan</li> <li>• Disinfeksi di lokasi-lokasi terlibat mengikut garis panduan yang berkuatkuasa</li> <li>• Pemantauan pematuan langkah-langkah pencegahan penularan Covid-19 di tempat-tempat awam/ gunasama seperti (kafeteria/ pantri/ surau/ bilik mesyuarat)</li> </ul>
2	Mengurangkan kesesakan di dalam bangunan hospital	<ul style="list-style-type: none"> <li>• penyusunan semula katil di wad mengikut penjarakan 1 meter</li> <li>• kawalan bilangan kemasukan pesakit pada satu-satu masa di wad/ klinik/ farmasi</li> <li>• penjadualan semula hari klinik</li> <li>• melaksanakan temujanji klinik berperingkat</li> <li>• penjadualan semula temujanji pengambilan darah pesakit</li> <li>• penyambungan ubat kepada pesakit yang dikenalpasti melalui SPUB/ pos/ pandu lalu</li> <li>• penggiliran bekerja dari rumah bagi perjawatan yang sesuai</li> </ul>
3	Memastikan kesinambungan perkhidmatan yang berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• penjadualan semula kes-kes <i>backlog</i></li> <li>• pengoperasian semula klinik secara optimum (termasuk lawatan pakar)</li> <li>• mengenalpasti keperluan dan SOP pelaksanaan <i>virtual clinic</i></li> </ul>

## F. KAEDAH PELAKSANAAN

JENIS PERKHIDMATAN	KAEDAH PELAKSANAAN
Saringan Kesihatan (kakitangan/ pelanggan/ pesakit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menghadkan bilangan pintu keluar/ masuk supaya dapat mengawal pergerakan keluar masuk pelanggan</li> <li>ii. Menyediakan kaunter saringan kesihatan (cth: lobi utama/ pintu masuk klinik/ pejabat)</li> <li>iii. Pelanggan yang akan masuk ke mana-mana premis di hospital perlu disaring risiko jangkitan dan juga suhu badan di kaunter saringan</li> <li>iv. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di setiap kaunter</li> <li>v. Tidak membenarkan pelanggan yang bergejala pernafasan akut dan demam memasuki premis dan akan dirujuk ke Jabatan Kecemasan untuk rawatan lanjut</li> </ol>
Klinik – Klinik Pakar	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bagi mengurangkan kesesakan pesakit di Klinik-klinik pakar, jabatan perlu membuat penyusunan semula temujanji pesakit untuk mengurangkan kesesakan pesakit yang datang dalam sesuatu masa terutama bagi klinik-klinik yang mempunyai kedatangan pesakit yang tinggi dan mengutamakan kes-kes berisiko tinggi</li> <li>ii. Menimbang keperluan untuk memanjangkan tempoh operasi klinik atau menambah slot selepas waktu pejabat termasuk pada hari Sabtu atau Ahad.</li> <li>iii. Kesemua pesakit perlu melalui kaunter saringan di pintu masuk klinik berkenaan mengikut kesesuaian tempat</li> <li>iv. Hanya 3 kategori pesakit yang dibenarkan untuk membawa pengiring iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas (umur <math>\geq</math> 65 tahun )</li> <li>• Orang kurang upaya</li> <li>• Kanak-kanak umur <math>\leq</math> 12 tahun</li> </ul> </li> <li>v. Seorang pengiring sahaja yang dibenarkan untuk mengiringi pesakit bagi kategori (4)</li> <li>vi. Bilik Konsultasi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Elakkan perkongsian bilik</li> </ul> </li> </ol>

JENIS PERKHIDMATAN	KAEDAH PELAKSANAAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>vii. Memindahkan sebahagian/ keseluruhan perkhidmatan klinik pakar yang bersesuaian ke hospital daerah di dalam kluster</li> <li>viii. Pesakit digalakkan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan sendiri seperti pemeriksaan kadar glukos dalam darah di rumah dan pemeriksaan tekanan darah</li> <li>ix. Menjalankan operasi klinik secara digital seperti klinik <i>virtual</i> bagi kes-kes tertentu dan juga pembayaran secara e-wallet</li> <li>x. Penyediaan preskripsi ubat untuk tempoh 6 minggu hingga 1 tahun bagi kes-kes tertentu.</li> </ul>
Wad	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyusunan semula katil di semua wad dengan mengekalkan jarak di antara katil-katil pesakit sejauh 1 meter</li> <li>ii. Tidak membenarkan katil-katil tambahan</li> <li>iii. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di setiap kubikel pesakit dan juga kaunter-kaunter wad</li> <li>iv. Memastikan proses disinfeksi mengikut garis panduan sedia ada</li> <li>v. Hanya seorang pelawat untuk setiap pesakit sahaja yang dibenarkan melawat pada waktu melawat</li> <li>vi. Hanya separuh daripada jumlah pelawat yang dibenarkan untuk memasuki wad waktu bagi sesuatu masa</li> </ul>
Dewan Bedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penjadualan semula kes-kes <i>backlog</i> dengan mengutamakan kes-kes kecemasan</li> <li>ii. Mengenalpasti dewan bedah yang digunakan untuk kes-kes pembedahan kes covid</li> <li>iii. Menjalankan ujian saringan Covid-19 mengikut garis panduan sedia ada</li> <li>iv. Menimbang keperluan untuk memanjangkan waktu operasi dewan bedah selepas waktu pejabat termasuk hari Sabtu dan Ahad</li> <li>v. Melaksanakan inisiatif pembedahan yang menyeluruh agar kes-kes pembedahan yang bersesuaian dapat dilaksanakan di hospital tanpa pakar oleh pegawai perubatan yang dilatih bagi mengurangkan rujukan kes ke hospital berpakar</li> </ul>

JENIS PERKHIDMATAN	KAEDAH PELAKSANAAN
Farmasi	i. Menggunakan perkhidmatan tambah nilai ( <i>value added service</i> ) yang ditawarkan untuk mendapat rawatan susulan seperti : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pandu lalu</li> <li>• Ubat melalui pos ( UMP )</li> <li>• letak dan ambil kemudian</li> <li>• <i>Locker for you (LFY)-almari penyimpanan ubat</i> bagi pesakit kronik</li> </ul> ii. Menyediakan kaunter khas atau berasingan bagi pendispensan ubat pesakit kronik dan pesakit lain iii. Memberi bekalan ubat melebihi sebulan kepada pesakit kronik bergantung kepada kedudukan stok semasa
Surau	i. Pengguna perlu membawa dan menggunakan kain sejadah/ telekung masing-masing untuk mengelakkan risiko jangkitan. ii. Elakkan bersalaman atau bersentuhan iii. Sekiranya melakukan solat berjemaah perlu mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter daripada jemaah lain iv. Pengguna dan pihak pengurusan surau hendaklah sentiasa memastikan diri/ tangan dalam keadaan bersih dan kemas v. Sekiranya seseorang itu bergejala seperti demam, batuk, selsema <b>tidak dibenarkan masuk</b> ke dalam surau vi. Surau hanya akan dibuka untuk orang ramai pada waktu yang telah ditetapkan iaitu 1-2 pm dan 4-5 pm
Pantry	i. Tidak berkongsi peralatan atau makanan. ii. Pastikan peralatan dibasuh bersih selepas digunakan iii. Kakitangan tidak digalakkan berehat beramai-ramai atau melebihi 4 orang dalam satu-satu masa di pantry iv. Digalakkan waktu rehat yang berperingkat/ atau secara bergilir-gilir
Taska	i. Mematuhi arahan penjarakan sosial terutamanya bagi kanak-kanak tadika iaitu yang berumur $\geq 4$ tahun

JENIS PERKHIDMATAN	KAEDAH PELAKSANAAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Mengamalkan kebersihan diri</li> <li>iii. Melakukan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh</li> <li>iv. Melakukan saringan suhu dan simptom terhadap semua kakitangan taska dan juga kanak-kanak</li> </ul>
Bilik Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan kaedah komunikasi alternatif (secara atas talian)</li> <li>ii. Sekiranya mesyuarat terpaksa dijalankan, pastikan semua prosedur dan langkah kawalan jangkitan dipatuhi sepenuhnya</li> <li>iii. Setiap ahli mesyuarat digalakkan memakai penutup mulut dan hidung serta mencuci tangan dengan menggunakan <i>hand sanitizer</i></li> <li>iv. Memastikan susunan ahli mesyuarat mematuhi penjarakan sosial dengan memastikan ahli mesyuarat duduk dengan kedudukan kerusi selang satu</li> </ul>
Ruang menunggu Lobi Makmur/ Lobi ACC/ Bahagian Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan penjarakan selamat 1 meter dengan menandakan di lantai, meja atau kerusi sebagai tempat selamat</li> <li>ii. Menjalankan proses sanitasi dan pembersihan di setiap ruang sebelum dan selepas operasi bermula, iaitu sekurang-kurangnya 2 kali sehari</li> </ul>
CME/ latihan/ kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di bilik-bilik kursus/ auditorium</li> <li>ii. Memastikan penjarakan selamat dengan memastikan kedudukan peserta berselang 1 atau 2 bergantung kepada saiz kerusi dan mengalakkan pemakaian PPE</li> </ul>
Promosi Pendidikan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melakukan hebahan yang berkesan kepada orang ramai berkenaan system temujanji di Klinik Pakar, isu pengiring dan juga perkhidmatan tambah nilai di bahagian farmasi</li> <li>ii. Memastikan masyarakat faham dengan kepentingan mengamalkan dan mengekalkan penjarakan sosial sepanjang masa</li> <li>iii. Memastikan masyarakat cakna berkaitan dengan mengamalkan kebersihan tangan dan diri sepanjang masa</li> </ul>



## **KESIMPULAN**

Hospital Tengku Ampuan Afzan akan memastikan setiap wargakerjanya patuh pada pelaksanaan norma baharu di tempat kerja dan menjadikan Hospital Tengku Ampuan Afzan sebagai tempat yang selamat untuk semua lapisan masyarakat. Strategi yang dijalankan adalah berlandaskan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia, DOSH dan Majlis Keselamatan Negara bagi mengekang dan memutuskan rantaian dan penularan COVID-19 dalam kalangan anggota kesihatan dan masyarakat. Ia juga memastikan hospital sentiasa bersiapsiaga dalam menangani peningkatan kes-kes COVID-19 dan di waktu yang sama pesakit-pesakit bukan COVID-19 tetap dapat meneruskan rawatan yang sewajarnya.